

Pinjaman Pendidikan PTPTN

PTPTN
Merealisasikan
Cita-cita Anda



Perlindungan Takaful

Pinjaman pendidikan PTPTN dilindungi oleh takaful sekiranya berlaku kematian atau ilat kekal menyeluruh ke atas peminjam. Sumbangan takaful dibuat melalui potongan daripada wang pinjaman yang dikeluarkan kepada peminjam pada setiap semester mengikut kadar yang telah ditetapkan.

Pengeluaran Pinjaman

Pengeluaran pinjaman kali pertama hanya dibuat setelah perjanjian yang lengkap diterima oleh PTPTN.

Pengeluaran pinjaman bagi semester berikutnya dibuat setelah PTPTN menerima pengesahan status pelajar daripada IPT masing-masing.

PTPTN tidak terlibat dalam urusan pemotongan yuran pengajian IPT. Amaun pinjaman akan dikreditkan terus ke akaun pelajar mengikut semester tertakluk kepada pengesahan yang diberikan oleh IPT. Semakan bayaran pinjaman boleh dilakukan di Penyata Pinjaman di Portal Rasmi PTPTN dan penyata akaun bank. Sebarang perbezaan amaun perlu dirujuk kepada IPT masing-masing.

Penahanan Pengeluaran Pinjaman

Penahanan pengeluaran pinjaman pendidikan akan dibuat pada mana-mana semester atas sebab-sebab berikut:

1. Memperoleh keputusan peperiksaan PNG/GPA di bawah 2.0.
2. Menangguh pengajian dengan kebenaran IPT.
3. Dikenakan tindakan tatatertib bagi kes pelajar yang digantung pengajian oleh IPT.

Pemberhentian Pengeluaran Pinjaman

Pinjaman pendidikan akan diberhentikan atas sebab-sebab berikut:

1. Pelajar gagal/berhenti pengajian/bertukar kursus tanpa kebenaran PTPTN.
2. Pelajar diisytihar mufis.
3. Pemalsuan maklumat semasa membuat permohonan.

Jumlah Pinjaman

Program Sepenuh Masa

Institut	Peringkat Pengajian	Jumlah Pinjaman Setahun Mengikut Peringkat		
		Maksimum (RM)	75% (RM)	50% (RM)
Universiti Awam, Post-Teknik & Kolej Komuniti	Integrasi/ Diploma	4,750	3,560	2,380
	Ijazah Sarjana Muda (Sains)	6,650	4,990	3,330
	Ijazah Sarjana Muda (Sastera)	6,180	4,630	3,090
	Ijazah Sarjana (Master)	9,500	7,130	4,750
	Doktor Falsafah (PhD)	24,700	18,530	12,350
	Kursus Profesional	5,700	4,280	2,850
IPT*	Foundation	6,800	5,100	3,400
	Diploma	6,800	5,100	3,400
	Diploma (Farmasi, Pergigian & Sains Kesihatan)	12,750	9,560	6,380
	Ijazah Sarjana Muda (Sains)	14,030	10,520	7,010
	Ijazah Sarjana Muda (Sastera)	13,600	10,200	6,800
	Ijazah Sarjana Muda (Farmasi, Pergigian & Sains Kesihatan)	17,000	12,750	8,500
	Ijazah Sarjana Muda Perubatan (MBBS)	30,000	30,000	30,000

Program Separuh Masa

Institusi	Peringkat Pengajian	Jumlah Pinjaman 3Bling Setahun (RM)
Universiti Awam & Post-Teknik	Diploma	4,780
	Ijazah Sarjana Muda	6,380
	Ijazah Sarjana (Master)	9,500
	Doktor Falsafah (PhD)	24,700
	Kursus Profesional	5,700
IPT*	Diploma	3,150
	Ijazah Sarjana Muda	3,750

* Senarai IPT* yang mendapat pinjaman bagi kategori ini boleh dirujuk di Portal Rasmi PTPTN

Skim Pinjaman Pendidikan

- Skim Pinjaman Pendidikan PTPTN diwujudkan bagi menyediakan pinjaman pendidikan kepada pelajar yang mengikuti pengajian di IPT tempatan.
- Pinjaman pendidikan PTPTN adalah pinjaman yang patuh syariah berasaskan kaedah Upah (Ujrah) 1% setahun pada kadar rata.

Skop Pinjaman

Sepenuh Masa

Peringkat Pengajian	Kategori IPT Yang Dibiayai
Integras/ <i>Foundation</i>	Politeknik dan IPTS*
Diploma	Universiti Awam, Politeknik, Kolej Komuniti dan IPTS*
Ijazah Sarjana Muda	Universiti Awam, Politeknik dan IPTS*
Ijazah Sarjana (<i>Master</i>)	Universiti Awam
Doktor Falsafah (<i>PhD</i>)	Universiti Awam
Kursus Profesional	Universiti Awam

Separah Masa

Peringkat Pengajian	Kategori IPT Yang Dibiayai
Diploma	Universiti Awam, Politeknik dan IPTS*
Ijazah Sarjana Muda	Universiti Awam, Politeknik dan IPTS*
Ijazah Sarjana (<i>Master</i>)	Universiti Awam
Doktor Falsafah (<i>PhD</i>)	Universiti Awam
Kursus Profesional	Universiti Awam

* Senarai IPTS yang mendapat pinjaman pendidikan bagi kategori ini boleh dirujuk di Portal Rasmi PTPTN.

Syarat-Syarat Permohonan*



- 1 Warganegara Malaysia.
- 2 Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh memohon.
- 3 Mendapat tawaran ke IPT dengan memenuhi syarat kelayakan masuk yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
- 4 Kursus dan IPT yang diikuti oleh pelajar mestilah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan berdaftar dengan PTPTN**.
- 5 Kursus mestilah mendapat Sijil Perakuan Akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan masih dalam tempoh sah laku semasa memohon.
- 6 Baki tempoh pengajian semasa membuat permohonan hendaklah tidak kurang dari satu (1) tahun.
- 7 Tiada penaja lain.
- 8 Mempunyai akaun SSPN-*i*/SSPN-*i***.

* Tertakluk kepada perubahan yang telah ditetapkan oleh PTPTN.

** Hanya kursus dan IPT yang diluluskan tajaan PTPTN akan disediakan dan dilaksanakan dalam Sistem Permohonan Pinjaman Pendidikan PTPTN. Pihak IPT perlu membuat permohonan kepada PTPTN sekiranya ingin mendapatkan pinjaman PTPTN.



Kaedah Permohonan Pinjaman

- Pelajar hendaklah membuat permohonan secara atas talian (*online*) di Sistem Permohonan Pinjaman Pendidikan PTPTN (www.ptptn.gov.my) mengikut tarikh yang telah ditetapkan bagi setiap IPT. Setiap IPT hanya mendapat dua (2) kali tarikh tutup permohonan sahaja bagi setiap semester. Maklumat lanjut boleh diperolehi di Portal Rasmi PTPTN.
- Pelajar perlu menyemak dan memastikan maklumat yang diisi adalah BETUL sebelum menghantar permohonan. Sekiranya permohonan telah diluluskan dengan maklumat yang salah, pelajar perlu membuat permohonan yang baharu. PTPTN akan memproses permohonan mengikut tarikh yang ditetapkan dengan kelulusan semester semasa.
- Permohonan yang lengkap dihantar akan diproses dalam tempoh lima (5) hari bekerja selepas tarikh tutup permohonan.
- Keputusan permohonan boleh disemak di Sistem Permohonan Pinjaman Pendidikan PTPTN mulai hari keenam (bekerja) selepas tarikh tutup permohonan. Surat tawaran juga akan dihantar ke alamat emel yang didaftarkan semasa membuat permohonan *online**.
- Bagi permohonan yang telah diluluskan, pelajar hendaklah mencetak dan melengkapkan Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian serta mengemukakannya kepada PTPTN dalam tempoh yang ditetapkan.
- Kelulusan akan terbatal sekiranya dokumen tidak diterima dalam tempoh ditetapkan.

* Sila pastikan emel yang digunakan adalah emel yang sah.

Penentuan Jumlah Pinjaman

Kelayakan	Jumlah Pinjaman
Pelajar/Penaja Pelajar adalah penerima Bantuan Rakyat Malaysia (BRIM)	Maksimum
Pendapatan keluarga tidak melebihi RM8,000 (bukan penerima BRIM)	75% daripada pinjaman maksimum
Pendapatan keluarga melebihi RM8,000 (bukan penerima BRIM)	50% daripada pinjaman maksimum

* Tempoh pinjaman ditentukan mengikut semester semasa permohonan diluluskan.

Proses Permohonan Pinjaman Pendidikan PTPTN

Mula

Pelajar membeli No. PTPTN di BSN dan membuat permohonan secara atas talian di Sistem Permohonan Pinjaman Pendidikan PTPTN.

1

Permohonan diproses berdasarkan tarikh yang ditetapkan mengikut IPT.

2

Pelajar boleh mencetak Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian mulai hari keenam (bekerja) selepas tarikh tutup permohonan.

3

Pelajar mengemukakan Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian yang lengkap dalam tempoh yang ditetapkan.

4

Tamat

* No. PTPTN hanya sah dalam tempoh enam (6) bulan bermula dari tarikh pembelian. Setiap nombor boleh digunakan untuk satu (1) permohonan sahaja.